

MODUL  
BAHASA MELAYU  
SJK  
TAHUN 4  
UNIT 22 BELANJA  
BERHEMAT

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

## UNIT 22 BELANJA BERHEMAT

### Jimatkan Perbelanjaan

Gauri : Apakah yang kamu simpan di dalam kotak itu, Najwa?

Najwa : Saya menyimpan pakaian lama saya yang masih elok.

Gauri : Mengapakah kamu menyimpan pakaian itu?

Najwa : Saya mahu memberikan pakaian itu kepada adik saya. Oleh sebab itu,\_\_\_

---

Gauri : Wah, pandai sungguh kamu berjimat cermat!

Najwa : Terima kasih. Bagaimanakah kamu berjimat cermat, Gauri?

Gauri : \_\_\_\_\_ Apakah cara lain  
yang kamu lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan keluarga?

Najwa : \_\_\_\_\_

## Panduan Berbelanja


(Melengkapkan peta pokok)

Kita berbelanja apabila mahu membeli sesuatu barangan. Sebagai pembeli, kita mestilah bijak dan berjimat dalam perbelanjaan. Hal ini penting agar kita tidak membazirkan wang.





Sebelum berbelanja, buat senarai barangan yang hendak dibeli. Cara ini dapat memastikan kita membeli barangan yang kita perlukan sahaja. Kemudian, rancang tempat untuk berbelanja dengan telitinya bagi menjimatkan masa, tenaga dan wang.

Semasa berbelanja, kita perlulah mengawal perbelanjaan. Jangan terburu-buru dan mudah terpengaruh oleh tawaran istimewa. Buat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan.

Selepas berbelanja, periksa resit pembelian barangan untuk mengelakkan kita tersilap membuat pembayaran. Kira jumlah wang yang telah kita belanjakan dan catat dalam buku rekod perbelanjaan. Jika mempunyai wang baki, simpan wang tersebut di dalam tabung atau di bank.



**Cara Menjimatkan Perbelanjaan**  
(menulis draf dan karangan)

Gambar	Draf
 <p>Bawa bekal</p>	<p>Pelbagai cara dapat kita lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan. Kita boleh membawa bekal makan dan minum ke sekolah. Kita tidak perlu berbelanja di kantin.</p>
 <p>Kongsi kenderaan</p>	
 <p>tanam sayur sendiri</p>	
 <p>Guna semula barangan terpakai</p>	



**Kami bijak berbelanja**  
(mengubah suai seni kata lagu)

Seni kata lagu (asal)	Seni kata lagu (ubah suai)
<p>Bapaku pulang dari kota Bapaku belikan kereta Kereta kecil warna merah Boleh kubawa ke sekolah</p>	<p>Bapaku bijak berbelanja Bapaku beli sebuah kereta Kereta besar warna _____ Kereta _____ harga murah</p>
<p>Pon pon pon pon pon pon pon pon pon Kereta kecilku berbunyi Marilah adik mari naik Bolehku bawa jumpa nenek</p>	<p>Pon pon pon pon pon pon pon pon pon Kereta bapaku berbunyi M arilah kawan ikut serta Kita ke _____ sama-sama</p>
<p>Bapaku pulang dari kota Bapaku belikan kereta Kereta kecil warna merah Boleh kubawa ke sekolah</p>	<p>Bapaku bijak berbelanja Di kedai atau _____ Bapaku sering berwaspada _____ sentiasa</p>
<p>Pon pon pon pon pon pon pon pon pon Kereta kecilku berbunyi Marilah adik mari naik Boleh kubawa jumpa nenek</p>	<p>Pon pon pon pon pon pon pon pon pon Kereta bapaku _____ Naiklah kawan naik cepat Kita belanja dengan _____</p>

**Lakukan Sendiri Jimat Belanja**  
Lengkapkan perbualan dengan ayat tanya

1. Apakah yang sedang dibuat oleh ibu kamu, Najwa?

Oh, ibu saya sedang menjahit baju kurung!

2. \_\_\_\_\_

Baju kurung itu untuk saya.

3. \_\_\_\_\_

Beliau menjahit baju kurung pada masa lapang.

4. \_\_\_\_\_

Upah jahit untuk sepasang baju kurung ialah RM80.00.

5. \_\_\_\_\_

Beliau menjahit baju kurung itu sendiri untuk menjimatkan perbelanjaan keluarga.